

# Pengaruh keganasan ke atas kesan ekonomi dibincang di Kemboja

UM 2 NOV 2002

KUALA LUMPUR 1 Nov. — Malaysia akan memba-  
wa isu pengaruh keganasan ke atas kesan ekonomi serantau di sidang kemuncak ASEAN kelapan di Phnom Penh, Kemboja pada 4 dan 5 November ini.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata, isu keganasan perlu dibangkitkan dalam sidang kemuncak itu kerana selain daripada bidang keselamatan ia secara tidak langsung mempunyai kesan ke atas perkembangan sektor lain di rantau ini.

“Selain daripada keganasan, Malaysia juga akan mencadangkan penubuhan rasmi kerjasama ASEAN+3,” katanya.

Syed Hamid berkata demikian dalam sidang akhbar selepas merasmikan persidangan Setiausaha Syarikat di sini, hari ini.

Menurutnya, antara perkara lain yang akan dibincangkan ialah program integrasi ASEAN dalam menghadapi persaingan ekonomi global.

“Malaysia juga akan menandatangani memorandum persefahaman di antara ASEAN dan China bagi

mewujudkan Kawasan Perdagangan Bebas,” tambah Syed Hamid lagi.

Katanya, sidang kemuncak itu akan menyaksikan perbincangan di antara 10 kerajaan ASEAN, perbincangan ASEAN+3 serta perbincangan berasingan di antara negara-negara ASEAN dengan Jepun, China, Korea dan India.

Idea penubuhan ASEAN+3 dikemukakan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad ketika sidang kemuncak ASEAN di Bandar Seri Begawan, November lalu.

Dr. Mahathir berpendapat, ASEAN+3 mampu mengurangkan penggantungan negara-negara ASEAN kepada Amerika Syarikat (AS) sebagai enjin kepada pertumbuhan ekonomi kerana apabila AS dilanda masalah ekonomi ia akan memberi kesan kepada negara anggota ASEAN.

Malaysia sebelum ini pernah menawarkan diri untuk menjadi tuan rumah kepada Sekretariat ASEAN+3, tetapi tidak mendapat sokongan daripada negara-negara terlibat.